

02 SEP 1999

KERAJAAN DIMINTA TARIK BALIK GARIS PANDUAN BAGI TEMPAT IBADAT

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Majlis Perundingan Malaysia Uagama Buddha, Kristian, Hindu Dan Sikh (MCCBCHS) meminta kerajaan menarik balik garis panduan terbaru mengenai Perancangan Tempat Ibadat Bukan Islam kerana ia dianggap bercanggah dengan Perlembagaan, tidak wajar dan dan tidak boleh diterima.

"Garis panduan itu jelas menunjukkan kurangnya pemahaman dan hormat terhadap agama-agama selain Islam," kata MCCBCHS dalam satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Garis panduan bertarikh September 1998 itu disampaikan kepada majlis itu pada 22 April oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Peter Chin.

Majlis itu membantah kandungan garis panduan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan itu yang antara lain menyatakan bahawa tempat ibadat hanya dibenarkan didirikan jika tapak tanahnya terletak dalam kawasan majoriti bukan Islam dan semua permohonan bagi bangunan itu mesti dirujuk kepada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing bagi mendapatkan pandangannya.

MCCBCHS mencadangkan agar kerajaan mengadakan kempen mendidik semua rakyat mengenai agama masing-masing dan juga agama lain sebagai satu usaha jangka panjang untuk menggalakkan persefahaman, harmoni dan integrasi.

Majlis itu juga mencadangkan penubuhan Majlis Penasihat Antara Agama Nasional untuk menjaga kepentingan dan keperluan semua agama di negara ini.

-- BERNAMA
SBJ RHM MAI